

Aspirasi tinggi, bijak menggunakan teknologi dan dahagakan kejayaan. Inilah antara ciri-ciri generasi milenial yang diperlukan dalam membentuk masa depan Singapura. Wartawan **SHAHIDA SARHID** ([sshahida@sph.com.sg](mailto:sshahida@sph.com.sg)) dan **NUR FATHIN AWALLUDIN** ([nfathin@sph.com.sg](mailto:nfathin@sph.com.sg)) meninjau semangat waja golongan milenial ini.

# Semarak generasi milenial

Di sebalik nilai-nilai positif golongan muda ini, penting juga mereka mengurus jangkaan dan harapan

UMURNYA baru 19 tahun tetapi semangat kental yang ditunjukkan pelajar tahun pertama kolej sastera liberal Yale-NUS, Cik Izzah Haziqah Harisfadilah, dalam akademik dan kegiatan persatuan sekolahnya amat membanggakan.

Selaku Timbalan Pengarah Hubungan Luar dalam Persatuan Pemerintah Pelajar Yale-NUS, Cik Izzah bertanggungjawab merapatkan 'jurang' antara pihak sekolah dengan para pelajar.

Melihat dirinya sebagai sebahagian daripada masyarakat global, anak muda ini juga mempunyai aspirasi mahu memperkukuh integrasi antara pelajar tempatan dan luar negara di sekolahnya.

Tidak cukup dengan itu, keprihatinan bekas penuntut Sekolah Perempuan Raffles ini terhadap nasib golongan memerlukan juga mendorongnya menjadi tutor di Mendaki.

"Mungkin usaha saya seorang tidak dapat membuat perubahan yang besar. Tetapi saya harap ia dapat mendorong rakan sebaya yang lain agar sama-sama berganding bahu dan memperkasa mereka yang memerlukan sekali gus meningkatkan kedudukan masyarakat kita ke tahap lebih tinggi.

"Memang saya seorang idealis tetapi pada masa yang sama saya juga pragmatik. Saya percaya dengan impian ini.

"Jika kita berusaha dengan gigih, saya pasti impian memantapkan kedudukan masyarakat Melayu kita ini akan menjadi nyata," katanya, penuh bersemangat.

Beliau merupakan antara generasi milenial yang disifatkan sebagai generasi bersemangat waja, berpendidikan, prihatin terhadap sekitaran, praktikal, menumpukan terhadap hasil (*result-oriented*), progresif dan berfikiran global.

Penggunaan kekata milenial ini telah digunakan buat kali pertama oleh Perdana Menteri Lee Hsien Loong dalam Rapat Hari Kebangsaan menyusuli kemenangan perenang Joseph Schooling, 21 tahun, di temasya Sukan Olimpik Rio.

Menurut Encik Lee, Singapura perlu menjadi tempat di mana milenial boleh mengejar impian mereka.

"Bukan sahaja dalam kerjaya, bahkan juga keluarga, yang memberi makna kepada kehidupan kita," katanya.

Ada sekitar setengah juta milenial di Sin-

gapura sekarang yang merujuk kepada mereka yang berusia antara 16 dengan 34 tahun.

Di dunia pula, ada sekitar 75.4 juta milenial berbanding generasi Baby Boomers (usia 51 tahun hingga 69 tahun) yang sekitar 74.9 juta, menjadikan mereka generasi teramai dalam sejarah.

Golongan milenial ini, menurut beberapa pemimpin masyarakat, amat dahagakan kejayaan dan mahu mencapainya secepat mungkin.

"Sikap mereka yang boleh melaksanakan berbilang tugas bermakna mereka mahukan hasil diraih dengan lebih pantas.

"Golongan ini tidak lagi perlu mengikut hierarki keperluan yang berperingkat sebelum akhirnya sampai ke puncak untuk meraih kejayaan," kongsi anggota Persatuan Aksi Kemajuan Sosial dan Ilmu (Paksi), Encik Ramli Puteh.

Sikap sedemikian juga, menurut Encik Ramli, menjadikan golongan milenial ini pemimpin yang sedia masa depan.

Yang ketara juga, golongan ini tidak boleh berenggang dengan teknologi.

Teknologi mudah alih amat penting kepada milenial bukan sahaja untuk menghibur-



**MILENIAL PRIHATIN:** Cik Izzah Haziqah Harisfadilah (*tengah*) bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik, malah prihatin terhadap tahap pendidikan masyarakat Melayu, yang secara tidak langsung mendorongnya menjadi tutor sambilan di Mendaki. – Foto ihsan IZZAH HAZIQAH HARISFADILAH

kan diri dengan permainan, menyaksikan video dan membina rangkaian sosial, malah untuk kajian dan pendidikan.

"Lebih mudah untuk mereka menyesuaikan diri dengan perubahan pesat teknologi berbanding generasi sebelum mereka," kata Encik Ramli lagi.

Presiden Lembaga Basiswa Kenangan Maulud (LBKM), Encik Suhaimi Salleh, pula berpendapat generasi milenial memiliki semangat keusahawanan yang tinggi sehingga mengubah cara perniagaan dikendalikan.

Mereka mendapat inspirasi daripada ikon seperti Steve Jobs yang mencipta jenama popular Apple serta usahawan Mark Zuckerberg yang berjaya merevolusikan media sosial.

"Lihat sahaja berapa ramai dalam golongan ini yang berjinak-jinak dalam perniagaan dengan melakukan pelbagai bisnes dalam talian. Mereka pantas mengenal pasti trend dan memanfaatkannya.

"Pada masa yang sama, mereka juga pantas beralih kepada trend baru jika yang lama tidak popular lagi.

"Golongan ini bijak menyesuaikan diri

dengan keadaan dan lebih lincah daripada generasi ibu bapa mereka," kata Encik Suhaimi.

Dalam pada itu, milenial juga lebih prihatin terhadap keperluan alam sekeliling.

Mereka gemar melibatkan diri dalam isu-isu persekitaran, sosial, berkaitan kesihatan dan ekonomi.

Presiden Persatuan Persuratan Pemuda Pemuda Melayu (4PM), Encik Izzuddin Taherally, berkata beliau dapat melihat kesungguhan ini dalam jati diri para belia 4PM yang gemar menyumbang sebagai sukarelawan masyarakat.

Namun beliau menasihati generasi milenial agar lebih peka dalam menguruskan harapan mereka.

"Memang baik mempunyai keghairahan kerana ia dapat memacu kreativiti seseorang.

"Tetapi mereka juga perlu tahu bagaimana menguruskan emosi jika berdepan dengan kegagalan.

"Ini kerana mereka harus tahu bahawa kegagalan itu ada kalanya sebahagian daripada kejayaan," ujarnya.